

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan pencemaran sungai.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah mengatasi pencemaran sungai di Malaysia.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

25 SUNGAI DI MALAYSIA TERCEMAR

PUTRAJAYA : Sebanyak 25 daripada 672 sungai di negara ini berada dalam kategori tercemar, kata Datuk Seri Fadillah Yusof. Sungai tercemar itu dikesan di Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Sarawak membabitkan pengelasan kualiti air sungai (IKA) kelas tiga dan empat. Antara punca pencemaran disebabkan oleh sisa industri, loji kumbahan, perbandaran, pertanian, perumahan dan penternakan.

Sumber: <https://bharian.com.my>



BAHAGIAN B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

- 1) ~~Generasi muda tidak lagi memartabatkan permainan tradisional sebagai lambang kebudayaan. Antaranya Wau, Gasing, Teng Teng, Galah Panjang, Guli dan banyak lagi. Oleh itu, tidak mustahil suatu hari nanti permainan tradisional ini akan pupus ditelan zaman. Demi memastikan permainan ini terus relevan, pelbagai pihak perlu berusaha dalam mempopularkan permainan tradisional.~~

Sumber: *Alternatif Press* 23 Jun 2022

Huraikan usaha-usaha memartabatkan permainan tersebut.

- 2) ~~"Buli bukan sahaja memberi kesan kepada kesihatan mental dan fizikal pelajar tetapi juga menghalang perkembangan akademik serta sosial mereka. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa mangsa buli sering mengalami kemurungan dan prestasi akademik yang rendah."~~

Sumber : dipetik daripada
ucapan Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye,
Sinar Harian, 2 November 2024.

Berdasarkan petikan, huraikan kesan-kesan tersebut.

3)

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyeru rakyat untuk mengakhiri perkara yang boleh menggugat perpaduan negara. Setiap rakyat Malaysia perlu terus saling menghormati agar dapat menjaga keharmonian dari pelbagai latar belakang kaum dan bangsa. Setiausaha Akhbar Kanan Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah, berkata seruan itu disampaikan Perdana Menteri dalam Majlis Iftar Bersama Pengamal Media semalam di Angkasapuri, Kota Media.

Sumber : Bernama 12 Mac 2025

Huraikan kepentingan yang terdapat dalam petikan di atas berserta kepentingan-kepentingan lain untuk mengekalkan perpaduan.

4)

~~Senator Jaziri Alkaf Abdillah Suffian berkata, satu daripada enam graduan pada hari ini~~ hanya mendapat pekerjaan selepas enam bulan menamatkan pengajian atau selepas graduasi. Oleh itu, golongan belia perlu diberi panduan serta tunjuk ajar yang betul seperti mempunyai kemahiran daya kreatif dan inovatif agar mereka lebih bersedia dengan realiti sebenar mengenai alam kerjaya.

Sumber: *Sinar Harian 18 Oktober 2021*

Selain persiapan yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan persiapan-persiapan sebelum memasuki alam tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT